

Pelajar jalani kursus keterampilan

Serdang: Seramai 530 pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) mengikuti Kursus Keterampilan Graduan, baru-baru ini, sebagai persediaan memasuki pasaran kerja dan membangunkan kemahiran kepemimpinan.

Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar UPM, Prof Madya Dr Abdul Rasid Jamian, berkata antara pendedahan diterima peserta ialah kemahiran menulis resume dan menghadiri temu duga, pen-

dekanan mencari pekerjaan, surat memohon pekerjaan, ciri pekerja cemerlang dan keterampilan diri.

Beliau berkata, program selama dua hari itu dilaksana menggunakan pendekatan mesra pelajar dan dikendalikan penceramah profesional yang mempunyai pengalaman bekerja dalam industri.

"Penyertaan dalam program ini diharap mampu menggilap bakat dan menonjolkan potensi pelajar untuk



Peserta Kursus Keterampilan Graduan tekun membuat resume.

menjadi insan cemerlang.

Kursus permulaan graduan

"Ini sejajar misi UPM, iaitu 'memberikan sumbangan bermakna kepada pembentukan

kekayaan dan pembangunan negara serta kemajuan manusia sejagat menerusi penerokaan dan penyebaran ilmu," katanya.

Selain itu, Abdul Rasid berkata, Kursus Permulaan



Aktiviti latihan dalam kumpulan menggalakkan peserta Kursus Permulaan Graduan untuk berkongsi idea.

Graduan turut dijalankan di UPM bagi membantu pelajar baharu menyesuaikan diri dengan kehidupan di kampus.

Katanya, seramai 3,000 pelajar baharu di 16 fakulti UPM Serdang serta Kampus



Bintulu Sarawak menjalani kursus itu, tahun lalu, termasuk membantu penuntut antarabangsa mengenali adab, budaya dan suasana pembelajaran di universiti berkenaan.